

25/12/1997

Terengganu giat hijaukan bandar

Noor Jaafar

TERENGGANU melancarkan program lanskap negeri secara besar-besaran membabitkan peruntukan RM16.5 juta yang akan diagihkan kepada setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menghijau dan mengindahkan bandar masing-masing.

Program mengindahkan kawasan majlis daerah dengan pokok teduhan, bunga-bunga dan lanskap menarik adalah sebahagian usaha menjadikan bandar-bandar di negeri ini cantik dan bersih seperti bandar dalam taman.

Bagi program bersih dan indah serta penyelenggaraan dan penjagaan taman dan lanskap di seluruh negeri tahun ini, kerajaan negeri memperuntukkan RM4.6 juta.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Penjaja Kecil negeri, Ahmad Said, berkata dalam Belanjawan 1998, RM3 juta akan dibelanjakan untuk program bersih dan indah dan RM3 juta lagi untuk pembinaan longkang di bandar Kuala Terengganu.

Beliau berkata, bandar Kuala Terengganu yang dikendalikan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu (MPKT) dan Majlis Daerah Kemaman (MDK) mula menampakkan perubahan dan menjadi antara bandar tercantik di negara ini.

Peruntukan kerajaan negeri kepada PBT mula menampakkan hasil apabila MDK MPKT memenangi anugerah kualiti kebersihan peringkat kebangsaan tahun ini.

Ahmad berkata, menerusi kempen tanam pokok kebangsaan, kerajaan negeri akan menanam 140,000 pokok teduhan hingga menjelang tahun 2000. Setakat September lalu, PBT sudah menanam 18,854 pokok teduhan di seluruh negeri.

Kempen tanam pokok kebangsaan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Daripada jumlah itu, MPKT akan menanam 23,000 pokok, Majlis Daerah Besut (MDB) (17,750 pokok), MDK (23,000), MDHT (17,750), MDD (23,000), MDM (17,750), Setiu (17,750). Antara jenis pokok teduhan yang ditanam MPKT ialah jati, merua siput jantan, beruas, pahit dan kiara.

"Kerajaan negeri juga akan mewujudkan taman rekreasi awam yang serba lengkap di setiap PBT, termasuk taman bandar Kemaman sudah disiapkan dan membabitkan perbelanjaan lebih RM1 juta," katanya.

Majlis Daerah Dungun (MDD) pula dalam pembinaan, Majlis Daerah Marang disiapkan hasil peruntukan persekutuan, manakala Taman Awam Batu Buruk yang dilaksanakan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu (MPKT) dijangka membabitkan perbelanjaan RM5 juta yang kini dalam proses rekabentuk oleh juruperunding. Pelaksanaan projek itu membabitkan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan negeri.

Selain itu, kerajaan negeri melancarkan kempen kebersihan selama dua tahun bagi memastikan kegiatan gotong-royong menjaga kebersihan menjadi budaya rakyatnya.

Wan Mokhtar pula ketika melancarkan kempen itu berkata, kempen itu akan dilaksanakan di semua majlis perbandaran dan majlis daerah sehingga ke kawasan mukim serta kampung.

Menurutnya, majlis perbandaran dan majlis daerah akan menyediakan peruntukan kewangan dan peralatan bagi memastikan kempen itu berjaya.

Beliau juga mahu bandar Kuala Terengganu mencapai status bandar raya dalam tempoh 10 tahun akan datang dan dalam tempoh itu, bandar lain di negeri ini akan menjadi bandar terbersih.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM15.49 juta bagi membaiki dan menyempurnakan sistem perparitan di seluruh negeri,

tahun depan.

Beliau berkata, semua majlis daerah dan MPKT mesti mengambil berat mengenai kebersihan dan keindahan kawasan majlis masing-masing di samping memberi tumpuan mencantikkan lanskap.

Beliau berkata, pelaksanaan fasa pertama sistem perparitan di bandar Kuala Terengganu bernilai RM66.5 juta hampir siap. Ia membabitkan mukim Kubang Parit, Paloh, Losong dan Kuala Ibai.

"Majlis Daerah Kemaman (MDK) menerima anugerah kualiti bagi kategori pengurusan kewangan, MPKT (piagam pelanggan) dan Majlis Daerah Marang (pengurusan projek)," katanya.

Keindahan bandar turut menjadi agenda setiap PBT untuk mewujudkan bandar yang cantik dan menarik supaya memberi keselesaan kepada pengunjung.

(END)